



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2016**

---

**PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN DAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN  
URUSETIA BELIA DAN SUKAN, URUSETIA PENERANGAN KERAJAAN NEGERI,  
URUSETIA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & KEBAJIKAN DAN SEMUA  
KAKITANGAN YANG BERKHIDMAT SECARA BERELAUN DAN SAMBILAN  
DI JABATAN-JABATAN NEGERI KELANTAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri berhubung dengan penambahbaikan skim perkhidmatan dan pelarasan gaji kakitangan Urusetia Belia Dan Sukan, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Kebajikan dan semua kakitangan yang berkhidmat secara berelaun dan sambilan di Jabatan-Jabatan Negeri Kelantan.



- 4.4 Tempoh kontrak adalah dari setahun ke setahun.
- 4.5 Kuasa meluluskan pelantikan kakitangan 'Contract for Service' atau tukar lantik dari jawatan sambilan dan berelaun ke jawatan 'Contract for Service' adalah Setiausaha Kerajaan Negeri.

## 5. **Pelarasan Gaji**

- 5.1 Syarat dan kaedah pelarasan gaji adalah sebagaimana berikut :
- a) kakitangan lantikan berelaun dan sambilan
  - b) kadar kenaikan sebanyak lima belas peratus (15%)
  - c) tarikh kenaikan gaji bagi kakitangan yang berkhidmat sekurang-kurang 3 tahun pada 1 Januari 2016 adalah pada 1 Januari 2016.
  - d) tarikh kenaikan gaji bagi kakitangan yang berkhidmat kurang 3 tahun pada 1 Januari 2016 adalah pada tarikh genap 3 tahun perkhidmatan.
- 5.2 Semua kakitangan yang menerima kenaikan gaji sebanyak 15% pada 1 Januari 2016 atau setelah genap 3 tahun perkhidmatan akan diberi kenaikan gaji setiap 3 tahun pada kadar 15% tertakluk kepada pencapaian sekurang-kurang 90% markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terakhir.
- 5.3 Bagi kakitangan yang dilantik selepas 1 Januari 2016 sama ada secara sambilan atau 'Contract for Service', penetapan gaji permulaan adalah mengikut gaji minima berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa semasa melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu di mana penetapan gaji yang lebih tinggi dari gaji minima boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 5.4 Kakitangan yang dilantik secara 'Contract for Service' layak menerima bayaran elaun sebagaimana kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri lantikan tetap.

## 6. Kemudahan Selepas Perkhidmatan

6.1 Kakitangan yang meletak jawatan atau tidak disambung perkhidmatan selepas 1 Januari 2016 dan telah berkhidmat sekurang-kurang sepuluh tahun dalam perkhidmatan negeri layak mendapat ganjaran berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan.

6.2 Kaedah pengiraan adalah :

$7.5\% \times \text{tempoh perkhidmatan} \times \text{gaji hakiki bulanan terakhir}$

Contoh :  $7.5\% \times 120 \text{ bulan (10 tahun)} \times \text{RM4,000.00} = \text{RM36,000.00}$

## 7. Perjawatan Kakitangan

Perjawatan bagi kakitangan akan ditetapkan mengikut skim perkhidmatan dan gred jawatan yang berkuatkuasa semasa.

## TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2016**.


## PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2007 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2015 adalah dibatalkan.

**# SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN #**



**DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSIN D.P.S.K. (Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

14 Mac 2016

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan